

TREND LAYAK SIJIL SPM 2024  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1  
2 jam  
September 2024



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

**TREND LAYAK SIJIL SPM 2024**

---

---

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 1**

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 1**  
**BAHAGIAN A**

**FORMAT**

**Tiada**

1. Format penulisan komen :

**T - menepati tema**

**I - relevan, huraian jelas**

**B - gramatis dari segi kata dan ayat**

**P - sangat menarik dan berkesan**

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan **cuaca panas**.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **cuaca panas**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

2. Kehendak / tugasan soalan

i. Calon perlu menghuraikan **langkah/usaha/cara menghadapi musim panas**

ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:

- Kawasan-kawasan yang menghadapi musim panas tahap berjaga-jaga/ suhu maksimum 35°C selama 3 hari berturut-turut.
- Mengurangkan aktiviti luar
- Banyakkan minum air kosong

iii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.

iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **langkah/usaha/cara menghadapi musim panas**

- diterima dan semak seperti biasa.

v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

**Jika calon menulis dalam bentuk point- maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP YANG MEMUASKAN (TMTPM)**

## Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

### KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	<p style="text-align: center;"><b>26 - 30</b>            (28 - 30)            (26 – 27)</p>	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> bahan rangsangan / tugasan</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan / tugasan.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b></li> <li>• Pemerengganan sesuai.</li> </ul> <p>*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</p>

Kepujian	<p style="text-align: center;"><b>20 - 25</b>            (23 – 25)            (20 – 22)</p>	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> bahan rangsangan / tugasan</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan / tugasan.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> </ul>
----------	---	--

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>menarik</b>.</li> <li><b>Laras bahasa sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>Pemerengganan <b>sesuai</b>.</li> </ul>
<b>Memuaskan</b>	<b>15 – 19</b> (17 – 19) (15 – 16)	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>masih</b> menepati bahan rangsangan / tugasan</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan.</li> <li>Huraian <b>masih</b> jelas.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>masih</b> luas / terhad.</li> <li>Unsur bahasa yang digunakan <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan</b> ejaan yang <b>ketara</b>.</li> <li>Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>masih</b> menarik.</li> <li>Laras bahasa <b>masih</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>Pemerengganan <b>masih</b> sesuai.</li> </ul>

<b>Penguasaan Minimum</b>	<b>10 – 14</b> (12 – 14) (10 – 11)	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>kurang</b> menepati bahan rangsangan / tugasan</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan.</li> <li>Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>Kesalahan-kesalahan tatabahasa <b>ketara</b>.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>Unsur bahasa yang digunakan <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan</b> ejaan yang <b>ketara</b>.</li> </ul>
---------------------------	--	---

		<p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>kurang</b> menarik.</li> <li>• Laras bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap.</li> <li>• Pemerengganan <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul>
<b>Tidak mencapai tahap penguasaan minimum</b>	<b>1 – 9</b> (6 – 9) (1 – 5)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b>Idea tidak menepati tema</b> bahan rangsangan / tugasan.</li> <li>• <b>Banyak kesalahan bahasa</b> dari segi <b>kata</b> dan <b>ayat</b>.</li> </ul>

## BAHAGIAN B

**Format penulisan komen :**

- T** - menjawab tugas
- I** - relevan, huraian jelas
- B** - gramatis dari segi kata dan ayat
- P** - sangat menarik dan berkesan

### **SOALAN 1**

**FORMAT :** Tiada format

**KEHENDAK SOALAN :**

Calon dikehendaki menghuraikan kelebihan membeli barang buatan tempatan.

#### **CADANGAN IDEA (Isi daripada bahan )**

- Isi 1 – meningkatkan pembangunan ekonomi negara
- Isi 2 – mengurangkan aliran keluar tukaran wang
- Isi 3 – menjimatkan perbelanjaan rakyat

**Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan punca – **terima seperti biasa**.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

### **SOALAN 2**

**FORMAT :** Tiada format

**KEHENDAK SOALAN :**

Calon dikehendaki membincangkan cara-cara menangani kes buli.

#### **CADANGAN IDEA : ( Isi daripada bahan )**

- Isi 1 – mengeratkan hubungan murid dan guru melalui amalan guru penyayang
- Isi 2 – mengadakan kerjasama erat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui pegawai perhubungan sekolah (PPS)
- Isi 3 – mempelbagaikan platform aduan buli

**Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan faktor – **terima seperti biasa**.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

**SOALAN 3**

**FORMAT : Tiada format**

**KEHENDAK SOALAN :**

Calon dikehendaki menghuraikan usaha-usaha untuk mempopularkan e-sukan.

**CADANGAN IDEA :**

- Isi 1 - penganjuran pelbagai kejohanan e-sukan
- Isi 2 - pendedahan e-sukan kepada ibu bapa
- Isi 3 - pertandingan e-sukan peringkat sekolah
- Isi 4 - menjadikan e-sukan sebagai silibus di semua sekolah menengah

**Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan usaha satu pihak sahaja - **terima seperti biasa**

## **SOALAN 4**

**FORMAT : Tiada**

**KEHENDAK SOALAN :**

Calon dikehendaki menghuraikan persediaan yang terdapat dalam petikan dan persediaan-persediaan yang boleh dilakukan oleh golongan remaja untuk melanjutkan pelajaran.

**CADANGAN IDEA :**

(Isi daripada bahan)

1. memilih kursus yang diminati dan sesuai

(Isi lain)

1. Memastikan dana yang cukup
2. Memperlengkap diri dalam aspek kelayakan akademik
3. Menganalisis pasaran kerja yang terkini

**Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain – **terima seperti biasa**
2. Calon menghuraikan idea daripada petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

- |              |  |
|--------------|--|
| - Puisi      | - Maksud Hadis / Al- Quran / Kata-kata Tokoh     |
| - Alamat     | - Penanda wacana                                 |
| - Tarikh     | - Tajuk (rencana / surat)                        |
| - Nama Khas  | - Kata Sendi ‘di....(rumah)’ dan ‘ ke....(sana)’ |
| - Peribahasa | - Angka  |

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka**  
[70 markah]

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b>	<p><b>64 - 70</b>  (68 - 70)</p> <p>(64 – 67)</p>	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> mengikut tugas</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> <li>• Contoh yang sesuai.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa yang <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Gaya bahasa <b>amat menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>sangat menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Pemerengganan yang sesuai.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<p><b>55 - 63</b>  (59 – 63)</p> <p>(55 – 58)</p>	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> mengikut tugas</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> <li>• Contoh yang sesuai.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>Penggunaan unsur bahasa <b>masih bervariasi</b>.</li> <li>Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>Pemerengganan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li><b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> </ul>
Baik	<p><b>45 - 54</b></p> <p>(50 - 54)</p> <p>(45 - 49)</p>	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan masih <b>menjawab</b> tugas</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea masih <b>relevan</b> mengikut tugasan.</li> <li>Huraian masih <b>jelas</b>.</li> <li>Contoh masih <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang sesuai.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>umum</b>.</li> <li>Ejaan dan tanda baca masih <b>betul</b>.</li> <li>Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>masih menarik</b>.</li> <li>Pemerengganan masih <b>sesuai</b>.</li> <li>Wacana masih <b>lengkap</b>.</li> <li>Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> </ul>
Memuaskan	<p><b>35 - 44</b></p> <p>(40 – 44)</p>	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan masih / kurang <b>menjawab</b> tugas</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea masih <b>relevan</b> mengikut tugasan.</li> <li>Huraian kurang <b>jelas</b>.</li> <li>Contoh kurang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>terhad</b>.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> </ul>

	(35 - 39)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>kurang menarik</b>.</li> <li>Pemerengganan kurang <b>sesuai</b>.</li> <li>Wacana masih / kurang <b>lengkap</b>.</li> <li>Laras bahasa kurang <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> </ul>
<b>Penguasaan Minimum</b>	<b>21 – 34</b> (28 – 34) (21 – 27)	<p><b>Tema / Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan kurang <b>menjawab</b> tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugasan/<b>bercampur aduk</b>.</li> <li>Huraian <b>tidak</b> jelas / <b>tidak</b> berkembang.</li> <li>Contoh <b>tidak</b> sesuai.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ayat yang <b>tidak</b> gramatis tetapi <b>masih</b> difahami.</li> <li>Penggunaan kata <b>kurang</b> tepat.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang <b>ketara</b>.</li> <li>Penggunaan unsur bahasa <b>tidak</b> bervariasi.</li> <li>Gaya bahasa <b>lemah</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>Pemerengganan <b>tidak</b> sesuai / <b>tidak</b> seimbang</li> <li>Wacana <b>tidak</b> lengkap.</li> </ul>
<b>Tidak mencapai tahap penguasaan minimum</b>	<b>1 – 20</b> (11 – 20) (1 -10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keseluruhan karangan <b>sukar</b> / <b>tidak</b> difahami.</li> <li>Idea <b>tidak</b> relevan / <b>bercampur aduk</b> dan huraian <b>tidak</b> jelas / <b>tidak</b> berkembang serta contoh <b>tidak</b> sesuai.</li> </ul>

**\*\*\* CATATAN**

1. Calon diminta menulis karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan sahaja**.
2. Sekiranya calon menulis karangan kurang daripada **350 patah perkataan**, markah maksimum yang boleh dipertimbangkan adalah pada peringkat **BAIK**.
3. Sekiranya calon menulis karangan lebih daripada **510 patah perkataan**, markah maksimum yang boleh dipertimbangkan adalah pada peringkat **KEPUJIAN**.
4. Penggunaan **ungkapan menarik** diwajibkan untuk pertimbangan karangan **CEMERLANG**.

**PANDUAN MENANDA KESALAHAN ISI, EJAAN DAN TANDA BACA**

(	)	= Kesalahan isi
_____	/	= Kesalahan Bahasa, rangkai kata dan perkataan
//		= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
<input type="circle"/>		= kesalahan ejaan berulang
		= kesalahan tanda baca